

PM akan bercuti beberapa hari

KUALA LUMPUR 22 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan bercuti beberapa hari sebelum menyambung tugasnya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, hasratnya untuk bercuti itu telah pun dimaklumkan kepada kabinet sebelum ini.

Katanya, percutian Dr. Mahathir tidak lama dan beliau memang berhak untuk berbuat demikian.

"Dia memang patut cuti beberapa hari selepas bermesyuarat (Perhimpunan UMNO) dan sebelum ini pun pergi merata-merata tempat dan dengan itu beliau hendak cuti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat tergepar Majlis Tertinggi (MT) UMNO malam ini.

Ditanya mengenai lawatan rasminya ke Thailand seperti yang dijadualkan, Abdullah berkata, ia akan tetap diteruskan.

"Lawatannya ke Bangkok adalah atas kapasitinya, sebagai Perdana Menteri, jadi lawatan itu akan diteruskan dan Perdana Menteri akan mula bertugas sebelum lawatan itu," katanya.